

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Gooi Hsiao-Leung
[Alor Setar]**

TARIKH : 19.06.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 10

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah mekanisme sokongan yang diwujudkan untuk memberi bantuan kewangan kepada penoreh getah dan pekebun kecil yang mengalami kehilangan pendapatan besar kesan daripada kejatuhan harga getah baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian berusaha membantu pekebun kecil getah yang terjejas akibat kejatuhan harga getah semasa. Oleh yang demikian, pada 4 Jun 2014, Kerajaan telah meluluskan pemberian **Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKH 2.0)** kepada 260,000 pekebun kecil getah yang layak melibatkan peruntukan sebanyak RM130 juta. Bantuan akan diberikan pada kadar RM500 seorang secara '*one-off*' yang bertujuan untuk meringankan beban kos sara hidup pekebun kecil getah yang terjejas. Bayaran ini sedang dilaksanakan oleh RISDA dan dijangka kesemua pekebun kecil getah yang layak akan mendapat manfaatnya sebelum Hari Raya Puasa tahun ini.

Manakala, bagi golongan penoreh getah pula (Pengusaha Bukan Pemilik), Kerajaan sedang berusaha untuk memberikan bantuan yang sewajarnya.